

29 MAR 2001

Mahathir-Lawatan (bergambar)

LAWATAN DR MAHATHIR KEJUTKAN PENDUDUK KAMPUNG MEDAN

PETALING JAYA, 29 Mac (Bernama) -- Kampung Medan di sini gempar sekali lagi hari ini, bukan kerana berlaku rusuhan tetapi disebabkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan mengejut ke kawasan yang baru-baru ini menyaksikan pergaduhan kaum.

Majlis yang asalnya satu perjumpaan penduduk di situ dengan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai itu pada mulanya dihadiri oleh 200 orang tetapi apabila berita mengenai ketibaan Perdana Menteri tersebar, bilangan itu mencecah melebihi 1,000 orang.

Awal bulan ini, enam orang terbunuh dalam pergaduhan kaum di antara penduduk di situ.

Rata-rata penduduk yang ditemui menyatakan rasa gembira bahawa Dr Mahathir dapat mengunjungi mereka dan ini menunjukkan sikap seorang pemimpin yang bertanggungjawab.

Normala Yaacoub, 32, dari Rumah Panjang Baru, berkata beliau berasa sungguh gembira dengan kedatangan Perdana Menteri yang membuktikan Dr Mahathir amat mengambil berat keadaan di situ.

Dr Mahathir dalam ucapannya menyeru penduduk di situ supaya tidak termakan hasutan pihak-pihak yang ingin memporak-perandakan keadaan.

Beliau kemudian mengunjungi kawasan rumah panjang baru di sekitar Taman Medan yang diduduki oleh ramai orang Melayu dan kemudiannya terus ke kawasan rumah panjang KTM yang banyak didiami oleh kaum India.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat kawasan setinggan itu, Perdana Menteri berkata bahawa keadaan sudah pulih.

Katanya, kunjungan beliau adalah untuk melihat latar belakang penduduk di kawasan itu.

"Kebanyakan mereka telah tinggal di rumah-rumah sementara selama 14 tahun, dan kita harus lakukan sesuatu," katanya.

Sebelum ketibaan Perdana Menteri, Norian berucap kepada penduduk Taman Medan dan kawasan-kawasan berhampirannya di padang permainan Taman Medan di situ.

Katanya rondaan oleh anggota keselamatan di Taman Medan dan beberapa kawasan sekitar di Jalan Klang Lama akan diteruskan sehingga keadaan benar-benar pulih.

"Saya memberi jaminan bahawa bukan sahaja rondaan akan diteruskan sehingga keadaan benar-benar yakin tetapi dengan terdirinya tiga buah pondok polis, anggota tetap akan ditempatkan bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat," katanya.

Bagaimanapun, menurut Norian, anggota polis akan dikurangkan secara beransur-ansur.

Beliau juga berterima kasih kepada penduduk setempat kerana dengan kerjasama mereka keadaan dapat dipulihkan dalam masa yang singkat.

-- BERNAMA

SHO AFY NJ AHH MAI